



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



upsi

MENILAI PELAKSANAAN GOOGLE CLASSROOM DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL DAERAH KUALA KANGSAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

LOGA RANI A/P RAJANDRAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MENILAI PELAKSANAAN GOOGLE CLASSROOM DI SEKOLAH JENIS
KEBANGSAAN TAMIL DAERAH KUALA KANGSAR**

LOGA RANI A/P RAJANDRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGUKURAN DAN PENILAIAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/



Sila tanda (√)

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**


Perakuan ini telah dibuat pada 08 Julai 2025

i. Perakuan pelajar :

Saya,

LOGA RANI A/P RAJANDRAN, M20192001071, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk MENILAI PELAKSANAAN GOOGLE CLASSROOM DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL DAERAH KUALA KANGSAR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya




Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, ZAHARI BIN SUPPIAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk

MENILAI PELAKSANAAN GOOGLE CLASSROOM DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL


DAERAH KUALA KANGSAR

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

SARJANA PENDIDIKAN (PENGUKURAN DAN PENILAIAN PENDIDIKAN) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

08 Julai 2025

Tarikh


Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**Tajuk / Title: MENILAI PELAKSANAAN GOOGLE CLASSROOM DI SEKOLAH JENISKEBANGSAAN TAMIL DAERAH KUALA KANGSARNo. Matrik / Matric's No.: M20192001071Saya / I: LOGA RANI A/P RAJANDRAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

DR ZAHARI BIN SUPPIAN
Pensyarah(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 08 Julai 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tem poh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Bersyukur saya kerana dapat berjaya menyiapkan disertasi ini dengan izin tuhan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua individu yang menolong saya menyiapkan disertasi ini terutamanya Dr Zahari bin Suppian selaku penyelia disertasi yang selalu memberikan panduan dan nasihat tidak kira masa, guru-guru SJKT di daerah Kuala Kangsar yang terlibat dalam kutipan data, para pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia UPSI dan ibubapa yang terus memberikan sokongan kepada saya.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai pelaksanaan platform atas talian Google Classroom yang berada dalam kegunaan murid sekolah. Platform pengajaran dan pembelajaran atas talian adalah satu aspek penting pada zaman ini. Justeru wujud keperluan untuk mengenalpasti tahap persepsi guru dalam pelaksanaan Google Classroom. Kajian ini berbentuk tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Populasi kajian adalah seramai 139 orang guru daripada 12 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dalam daerah Kuala Kangsar. Daripada jumlah populasi, 103 sampel telah dipilih secara rawak mudah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif secara analisis deskriptif dan inferensi. Data dianalisis menggunakan SPSS. Hasil dapatan kajian deskriptif menunjukkan peratus tahap persetujuan guru-guru sekolah adalah tinggi terhadap kesemua empat konstruk iaitu konteks, input, proses dan produk. Manakala, dapatan ujian regresi berganda dalam kajian menunjukkan bahawa keempat-empat pembolehubah peramal menyumbang sebanyak 75.4% varians terhadap dimensi Produk dalam pelaksanaan *Google Classroom*. Dapatan kajian ini juga menunjukkan dimensi Proses merupakan peramal utama dengan 40.1% kepada dimensi Produk, diikuti oleh dimensi Input sebanyak 33.3%. Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan Google Classroom di sekolah-sekolah SJK(T) di daerah Kuala Kangsar, Perak, diterima baik oleh guru-guru dengan persepsi yang positif terhadap dimensi Konteks, Input, Proses, dan Produk. Implikasinya, kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Google Classroom memberikan manfaat yang signifikan dalam konteks pendidikan, khususnya dalam menilai tahap penerimaan dan kesediaan guru.





EVALUATING THE IMPLEMENTATION OF GOOGLE CLASSROOM IN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL IN KUALA KANGSAR DISTRICT

ABSTRACT

The purpose of this study is to evaluate the implementation of the Google Classroom online platform that is used by school students. Online teaching and learning platforms are an important aspect in this era. Therefore there is a need to know the level of teacher perception in the use of Google Classroom. This research is in the form of a survey that uses a questionnaire as an instrument. The study population was a total of 139 teachers from 12 Tamil primary schools in Kuala Kangsar district. From the total population, 103 samples were selected at random. This study uses a quantitative approach through descriptive and inferential analysis. Data was analyzed using SPSS. The results of the descriptive study show that the percentage of school teachers' agreement is high for all four constructs, namely context, input, process and product. Meanwhile, the findings of the multiple regression test in the study show that the four predictor variables contribute as much as 75.4% of the variance to the Product dimension in the implementation of Google Classroom. The findings of this study also show that the Process dimension is the main predictor with 40.1% to the Product dimension, followed by the Input dimension by 33.3%. In conclusion, this study found that the implementation of Google Classroom in SJK(T) schools in the district of Kuala Kangsar, Perak, is well received by teachers with a positive perception of the Context, Input, Process, and Product dimensions. The implication is that this study shows that the implementation of Google Classroom provides significant benefits in the context of education, especially in assessing the level of acceptance and readiness of teachers.



ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN`	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN LAPORAN KERTAS PROJEK	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Hipotesis Kajian	14
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	15
1.7.1 Penilaian Konteks	16
1.7.2 Penilaian Input	17
1.7.3 Penilaian Proses	17
1.7.4 Penilaian Produk	18
1.8 Kepentingan Kajian	19

1.9	Batasan Kajian	21
1.10	Definisi Istilah	21
1.10.1	Penilaian	22
1.10.2	Pelaksanaan	22
1.10.3	Google Classroom	23
1.10.4	Model KIPP	23
1.10.4.1	Dimensi Konteks	24
1.10.4.2	Dimensi Input	24
1.10.4.3	Dimensi Proses	24
1.10.4.4	Dimensi Produk	25
1.11	Rumusan	25

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	26
2.2	Alat Pembelajaran Berasaskan Internet	26
2.2.1	Google Classroom	29
2.3	Hukum Kesediaan Thorndike	31
2.4	TPACK (Technological Pedagogical Content Knowledge)	32
2.5	Penilaian	33
2.5.1	Penilaian Program Pendidikan	35
2.5.2	Model Penilaian Program	36
2.5.3	Model - Model Penilaian	37
2.5.4	Model Penilaian KIPP dan Justifikasi Pemilihan	39
2.6	Konstruk Dalam Kajian Mengikut Dimensi	43
2.6.1	Dimensi Konteks	43
2.6.2	Dimensi Input	45
2.6.3	Dimensi Proses	47
2.6.4	Dimensi Produk	48
2.7	Rumusan	50

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	51
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan	52
3.3	Populasi dan Sampel	53
3.3.1	Kaedah Persampelan	55
3.4	Instrumen	56
3.4.1	Instrumen Kajian	56
3.5	Kajian Rintis	58
3.5.1	Kesahan	59
3.5.2	Kebolehpercayaan	60
3.5.3	Dapatan Kajian Rintis	61
3.5.3.1	Kesahan	61
3.5.3.2	Ujian Kenormalan	62
3.5.3.3	Kebolehpercayaan	64
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	65
3.7	Kaedah Menganalisis Data	65
3.8	Rumusan	67

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	68
4.2	Latar Belakang Responden	69
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	70
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	70
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah	71
4.2.4	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Dalam Melaksanakan <i>Google Classroom</i>	71
4.2.5	Taburan Responden Mengikut Pencapaian Akademik Tertinggi	72
4.3	Kebolehpercayaan Data Sebenar	72

4.4	Persepsi Guru Terhadap Dimensi Konteks Dalam Pelaksanaan <i>Google Classroom</i>	73
4.5	Persepsi Guru Terhadap Dimensi Input Dalam Pelaksanaan <i>Google Classroom</i>	75
4.6	Persepsi Guru Terhadap Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan <i>Google Classroom</i>	79
4.7	Persepsi Guru Terhadap Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan <i>Google Classroom</i>	81
4.8	Pengujian Andaian Analisis Inferensi	83
4.8.1	Ujian Kepencongkan <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	83
4.8.2	Histogram	83
4.8.3	Kelinearan	86
4.8.4	Kebebasan Jangka Ralat	86
4.8.4	Ujian Multikolinearan	87
4.9	Hubungan Antara Pemboleh ubah Dimensi Dalam Pelaksanaan <i>Google Classroom</i>	88
4.9.1	Hubungan Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Input Dalam Pelaksanaan <i>Google Classroom</i>	88
4.9.2	Hubungan Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan <i>Google Classroom</i>	90
4.9.3	Hubungan Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan <i>Google Classroom</i>	91
4.9.4	Hubungan Antara Dimensi Input Dengan Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan <i>Google Classroom</i>	92
4.9.5	Hubungan Antara Dimensi Input Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan <i>Google Classroom</i>	94
4.9.6	Hubungan Antara Dimensi Proses Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan <i>Google Classroom</i>	95
4.10	Pengaruh Dimensi Konteks, Dimensi Input, dan Dimensi Proses Terhadap Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan <i>Google Classroom</i>	95
4.11	Ringkasan Hasil Keputusan Hipotesis Kajian	97
4.12	Kesimpulan	98

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	99
5.2	Ringkasan Kajian	99
5.3	Perbincangan	102
5.3.1	Menilai Persepsi Guru Terhadap Kesesuaian Pelaksanaan Google Classroom Dari Aspek Dimensi Konteks (K)	102
5.3.2	Mengenal Pasti Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Google Classroom Dalam Aspek Dimensi Input	104
5.3.3	Mengenal Pasti Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Google Classroom Dalam Aspek Proses	107
5.3.4	Mengenal Pasti Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Google Classroom Dalam Aspek Produk	109
5.3.5	Hubungan Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Input Dalam Pelaksanaan Google Classroom	111
5.3.6	Hubungan Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan Google Classroom	113
5.3.7	Hubungan Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Google Classroom	115
5.3.8	Hubungan Antara Dimensi Input Dengan Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan Google Classroom	117
5.3.9	Hubungan Antara Dimensi Input Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Google Classroom	120
5.3.10	Hubungan Antara Dimensi Proses Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Google Classroom	122
5.3.11	Peramal Terbaik Untuk Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Google Classroom	124
5.4	Implikasi Kajian	126
5.5	Limitasi Kajian	127
5.6	Cadangan Untuk Kajian Masa Depan	129
5.7	Kesimpulan	130
RUJUKAN		132
LAMPIRAN		140

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Populasi Sebenar	54
3.2	Taburan item mengikut konstruk	58
3.3	Nilai Pekali Alfa	60
3.4	Pekali Skewness dan Kurtosis	63
3.5	Nilai Pekali Alfa Yang Diperolehi Dari Kajian Rintis Yang Telah Dijalankan	64
3.6	Jenis Analisis bagi Persoalan Kajian	66
3.7	<i>Kekuatan hubungan berasaskan skala Cohen, Manion dan Marrison (2011)</i>	67
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	70
4.2	Taburan Responden Mengikut Pngalaman Mengajar	70
4.3	Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah	71
4.4	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Dalam Melaksanakan Google Classroom	72
4.5	Taburan Responden Mengikut Pencapaian Akademik Tertinggi	72
4.6	Kebolehpercayaan Data Sebenar	72
4.7	Taburan Kenormalan	83
4.8	Nilai Statisitik Durbin-Watson	87
4.9	Ujian Tolerance Value dan Variance Inflation Factor (VIF)	87
4.10	Persepsi Guru Terhadap Dimensi Konteks Dalam Pelaksanaan Google Classroom	81

4.11	Persepsi Guru Terhadap Dimensi Input Dalam Pelaksanaan Google Classroom	82
4.12	Persepsi Guru Terhadap Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan Google Classroom	86
4.13	Persepsi Guru Terhadap Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Google Classroom	87
4.14	Hubungan Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Input Dalam Pelaksanaan Google Classroom	88
4.15	Hubungan Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan Google Classroom	89
4.16	Hubungan Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Google Classroom	90
4.17	Hubungan Antara Dimensi Input Dengan Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan Google Classroom	91
4.18	Hubungan Antara Dimensi Input Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Google Classroom	92
4.19	Hubungan Antara Dimensi Proses Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Google Classroom	94
4.20	Pengaruh Dimensi Konteks, Dimensi Input, dan Dimensi Proses Terhadap Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Google Classroom	95
4.21	Rumusan Hipotesis	97

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian bagi menilai pelaksanaan Google Classroom menggunakan Model Penilaian KIPP	19
4.1	Histogram Dimensi Konteks Dalam Pelaksanaan Google Classroom	82
4.2	Histogram Dimensi Input Dalam Pelaksanaan Google Classroom	83
4.3	Histogram Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan Google Classroom	83
4.4	Histogram Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Google Classroom	85
4.5	Normal Probability P-Plot Regresi Berganda berdasarkan Standardized Residuals	86



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Sistem pendidikan di Malaysia telah melalui perkembangan yang panjang dan kompleks sejak negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Selepas kemerdekaan, Malaysia menghadapi cabaran besar dalam membangunkan sistem pendidikan yang inklusif dan mampu memajukan negara secara keseluruhan. Pelbagai dasar pendidikan telah diperkenalkan, termasuk Dasar Pendidikan Kebangsaan pada tahun 1970, yang bertujuan untuk menyatukan rakyat Malaysia daripada pelbagai latar belakang etnik melalui penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dan penubuhan sekolah satu aliran. Perubahan dasar ini bertujuan memastikan setiap lapisan masyarakat mempunyai peluang yang setara untuk mendapatkan pendidikan berkualiti.

Pada zaman ini, negara Malaysia masih mementingkan pendidikan sebagai keperluan asas kepada setiap warganegara. Selaras dengan itu, dasar pendidikan





negara sentiasa dikaji secara berkala dan ditambahbaik. Walaupun sistem pendidikan Malaysia sentiasa mengalami perubahan rentetan itu, tujuannya adalah untuk menyediakan murid yang bakal menjadi modal insan negara berada dalam keadaan yang lebih bersedia menghadapi dunia luar. Pada era digital kini, teknologi memainkan peranan yang agak penting dalam bidang pendidikan negara.

Seiring dengan kemajuan teknologi, sistem pendidikan di Malaysia tidak hanya berkembang dalam aspek kurikulum dan pengurusan, tetapi juga dalam cara pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Pada abad ke-21, penggunaan teknologi dalam pendidikan telah menjadi elemen yang tidak dapat dielakkan, dengan teknologi digital memberikan pelbagai peluang untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.



1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), dengan penggunaan ICT yang berkesan, murid akan memperoleh akses kandungan yang lebih luas, menarik, dan interaktif. Mereka akan dapat belajar mengikut kadar sendiri dan mempunyai pilihan pengajian yang lebih luas melalui program jarak jauh dengan penggunaan ICT. Kelebihan pembelajaran atas talian yang paling penting terletak pada kebolehcapaian, fleksibiliti penjadualan murid, dan kesesuaian untuk bekerja dan belajar (Gallagher et al., 2005).

Bagi menyokong usaha itu, mulai 1 Julai 2019 setelah tamat kontrak perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2, KPM telah bersetuju untuk menggunakan *Google Classroom* menggantikan perkhidmatan FrogVLE bagi penggunaan murid sekolah.





Pelantar ini bertujuan untuk digunakan sebagai medium pembelajaran tidak bersemuka. Aplikasi ini dilancarkan oleh Google pada 12 Ogos 2014 dan diperkenalkan untuk penggunaan sekolah di Malaysia mulai 1 Julai 2019. *Google Classroom* boleh digunakan sebagai alternatif pengganti kelas konvensional secara bersemuka dengan kelas atas talian *real time* (Pinandhito, Martia, dan Prasety, 2020). Pengajar dan murid tidak perlu lagi duduk bertentangan bagi melaksanakan sesi pembelajaran.

Google Classroom yang pada asalnya hanya berfungsi sebagai alternatif untuk menyokong pembelajaran TMK (Teknologi Maklumat & Komunikasi) mula mengambil tempat menjadi teraju utama di sekolah-sekolah selepas penyegaran semula DELIMA pada 15 Jun 2020 (Muhammad Nor & Mohd Matore, 2023). *Google Classroom* merupakan salah satu platform pembelajaran atas talian yang terkenal untuk mengembangkan proses pengajaran dan pembelajaran di seluruh dunia (Al-Marooof dan Al-Emran, 2018). Pelantar ini boleh digunakan dari seluruh pelosok dunia.

Guru boleh memuatnaik bahan pembelajaran, tugas dan kuiz dan berikutan itu, murid akan memberi tindak balas menerusi pelantar *Google Classroom*. Lagi mengujakan, pada zaman kini di mana akses kepada internet adalah tidak terbatas, dan murid mempunyai kebebasan waktu berinteraksi. Pandemik Covid-19 yang melanda negara Malaysia telah menyukarkan proses pembelajaran secara bersemuka. Disebabkan itu, gaya pengajaran jarak jauh dan atas talian lebih relevan pada masa kini dan menjadi alternatif kepada pembelajaran bersemuka yang lebih konvensional.

Google Classroom menawarkan pelbagai kemudahan untuk guru dan pelajar dalam menguruskan pembelajaran, tugas, serta interaksi antara kedua-dua pihak





dengan lebih efektif. Penggunaan Google Classroom membolehkan pengajaran berlaku secara lebih fleksibel dan dinamik, dengan menyokong pembelajaran jarak jauh, pembelajaran berasaskan projek, serta memberi kemudahan kepada guru untuk mengakses dan memberi maklum balas terhadap tugas dengan lebih mudah. Teknologi ini memperkenalkan pendekatan yang lebih moden dalam pendidikan, yang berpotensi untuk merubah cara pengajaran dan pembelajaran dilakukan di Malaysia.

Usaha memperkenalkan *Google Classroom* dalam sistem pendidikan Malaysia adalah selaras dengan hasrat PPPM 2013-2025 untuk memaksimumkan penggunaan ICT bagi pembelajaran jarak jauh. Selain itu, ia menyokong hasrat KPM untuk memperluas akses kepada pengajaran berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi atau tahap kemahiran murid melalui pembelajaran kadar sendiri. Ia adalah sejajar dengan KPM (2013) yang berpendapat bahawa wujud keperluan untuk secara beransur-ansur, meningkatkan nisbah peranti-murid daripada hampir 1:30 pada 2011 kepada 1:10 menjelang 2020. Jurang antara sekolah bandar dan luar bandar haruslah dihapuskan supaya semua murid dapat mengakses pendidikan tanpa sempadan.

Penggunaan Google Classroom di Malaysia dapat dilihat sebagai langkah proaktif dalam mengadaptasi sistem pendidikan negara dengan perkembangan teknologi global. Ia seiring dengan dasar-dasar pendidikan yang menekankan pentingnya literasi digital, yang kini menjadi kemahiran asas dalam dunia pendidikan dan pekerjaan. Google Classroom menyumbang kepada pembelajaran yang lebih inklusif, di mana pelajar dapat mengakses bahan pembelajaran dan berinteraksi dengan guru tanpa batasan geografi atau masa. Di samping itu, penggunaan platform digital ini juga seiring dengan usaha kerajaan Malaysia untuk meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti di luar kawasan bandar, dengan memanfaatkan teknologi sebagai alat bantu dalam pembelajaran.





1.3 Pernyataan Masalah

Pada abad ke-21, perkembangan teknologi digital telah membawa transformasi besar dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk dalam bidang pendidikan. Salah satu transformasi yang dirancang oleh KPM menerusi gelombang ke-2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) adalah untuk memacu inovasi ICT khususnya untuk pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran terarah sendiri. Penggunaan platform pembelajaran dalam talian seperti Google Classroom merupakan salah satu langkah penting dalam usaha untuk memodenkan sistem pendidikan dan meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar di seluruh dunia.

Di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan penggunaan Google Classroom di sekolah-sekolah, termasuk di peringkat sekolah rendah, sebagai salah satu medium pembelajaran yang efektif dan inovatif. Dengan penerapan teknologi ini, guru-guru dapat mengadakan kelas secara dalam talian, memberikan bahan pembelajaran, serta menjalankan penilaian terhadap pencapaian pelajar melalui platform yang mudah diakses dan digunakan. Namun demikian, meskipun penggunaan Google Classroom dijangka memberi impak positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran, pelaksanaannya di sekolah rendah khususnya di daerah Kuala Kangsar, masih memerlukan penilaian yang lebih mendalam. Terdapat beberapa cabaran dan isu yang mungkin timbul sepanjang pelaksanaan platform ini, yang memerlukan perhatian khusus.

Salah satu masalah utama adalah ketidaksediaan guru dalam memanfaatkan sepenuhnya potensi teknologi ini. Walaupun Google Classroom menawarkan kemudahan dalam menguruskan bahan pembelajaran dan interaksi dengan pelajar, ramai guru yang masih kurang berkemahiran dalam penggunaan alat-alat digital ini.





Menurut Noor Desiro Saidin dan Hazrati Husnin. (2021), tahap pengetahuan dan persediaan guru sekolah menengah di kawasan luar bandar merupakan salah satu faktor penggunaan pelantar Google Classroom sukar diaplikasikan di kawasan tersebut. Kebanyakan mereka mungkin tidak mempunyai latar belakang atau latihan yang mencukupi dalam teknologi pendidikan, yang seterusnya menjejaskan keberkesanan penggunaan platform ini dalam proses pengajaran.

Selain itu, masalah lain yang turut menjejaskan pelaksanaan Google Classroom adalah ketersediaan dan kualiti infrastruktur teknologi di sekolah-sekolah. Di sesetengah kawasan luar bandar, masalah seperti kekurangan akses internet yang stabil dan kelajuan yang rendah masih menjadi halangan utama untuk menggunakan platform dalam talian secara berkesan. Kajian oleh Ugartini dan Zamri (2021) mendapati kebanyakan murid menghadapi kekangan dalam PdPR kerana murid berkongsi peranti dengan ibu bapa dan adik beradik yang lain. Pelajar-pelajar yang tidak memiliki peranti digital yang mencukupi, seperti komputer riba atau telefon pintar, menghadapi kesukaran untuk mengikuti pembelajaran yang dijalankan secara dalam talian. Hal ini menyebabkan jurang akses pendidikan antara pelajar yang mempunyai kemudahan teknologi dengan mereka yang tidak, semakin meluas, dan akhirnya menjejaskan pencapaian akademik mereka.

Di samping itu, tahap literasi digital pelajar di sekolah rendah juga menjadi faktor penting dalam keberkesanan penggunaan Google Classroom. Tidak semua pelajar di peringkat ini memiliki kemahiran asas dalam menggunakan teknologi secara efektif. Walaupun pelajar zaman kini lebih terdedah kepada penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian mereka, terdapat perbezaan yang ketara dalam tahap kemahiran digital antara pelajar yang tinggal di kawasan bandar dengan mereka yang berada di kawasan luar bandar. Oleh itu, pelaksanaan Google Classroom mungkin





tidak dapat memberikan impak yang sama kepada semua pelajar, bergantung kepada kemahiran digital masing-masing.

Jen dan Mohd Matore (2022) berpendapat bahawa terdapat juga kekangan-kekangan yang timbul semasa menggunakan Google Classroom dalam pendidikan. Oleh itu, kajian yang lebih lanjut boleh dijalankan untuk meninjau kekangan-kekangan itu dan cara penyelesaiannya supaya dapat melancarkan pengintegrasian Google Classroom dalam pendidikan. Menurut Heggart dan Yoo (2018), penggunaan pembelajaran secara atas talian kelihatan mudah namun untuk melibatkan semua murid serta guru menjadikannya satu cabaran yang besar.

Menurut Muhammad Nor & Mohd Matore (2023), pengumuman semua penutupan institusi pendidikan termasuk peringkat sekolah rendah secara mengejut akibat penularan wabak Covid-19 membuatkan semua pihak sama ada guru, murid dan ibu bapa mengalami kesukaran dan tiada persediaan awal mengenai PdPR yang terpaksa dijalankan secara atas talian terutamanya melalui platform pembelajaran Google Classroom. Oleh itu, kajian yang lebih lanjut boleh dijalankan untuk meninjau kekangan-kekangan itu dan cara penyelesaiannya supaya dapat melancarkan pengintegrasian Google Classroom dalam pendidikan.

Jadi, sebagai lanjutan kepada cadangan pengkaji-pengkaji tersebut, terserlah bahawa terdapat kekangan yang harus ditinjau dan diselesaikan. Hal ini menjadi pencetus minat pengkaji bagi melakukan kajian. Sebelum ini ada beberapa kajian yang pernah dijalankan untuk mengkaji ataupun menilai keberkesanan *Google Classroom*. Kebanyakan daripada kajian tersebut dilaksanakan di luar negara. Oleh kerana pelantar ini wujud sejak tahun 2014 dan digunapakai di beberapa negara luar, penilaian sudah mula dilaksanakan sebagai sumber maklumat. Tetapi kajian yang





signifikan di dalam negara masih kurang. Kajian oleh Noor Desiro dan Hazrati (2020) mendapati tahap pengetahuan guru sekolah menengah luar bandar terhadap Google Classroom adalah berada pada tahap rendah. Jadi, timbul keperluan untuk kajian dijalankan pada peringkat sekolah rendah berkenaan kenyataan tersebut.

Kajian oleh Shahraneet et al. (2016) di dalam negara pula melibatkan pelajar universiti. Dan jurang penyelidikan daripada kajian ini pula ialah, kajian yang bakal dilaksanakan mengkaji murid sekolah rendah. Kajian oleh Awang et al. (2019) pula telah melakukan kajian mengenai kebolegunaan *Google Classroom* di sekolah-sekolah di Malaysia. Jurang kajian ini daripada kajian tersebut ialah kedalaman kajian. Kajian lampau ini berbentuk umum dan banyak membandingkan *Google Classroom* dengan Frog VLE. Kajian ini pula mengkaji secara lebih mendalam di daerah Kuala Kangsar. Walau bagaimanapun, sehingga kini, tidak banyak kajian yang dijalankan khususnya yang melibatkan SJKT di daerah Kuala Kangsar untuk menilai pelaksanaan *Google Classroom* di sekolah rendah dalam daerah Kuala Kangsar.

Kebanyakan kajian juga lebih banyak dijalankan di luar negara seperti Africa, Bangladesh, Oman, Pakistan dan Amerika Syarikat. Masih kurang kajian yang dilaksanakan di Malaysia mengenai pandangan guru mengenai *Google Classroom*. Kajian oleh Kgalemelo (2018), Shampa (2016), Rana (2018), Kaukab dan Nayab (2018) dan Tracy (2017) dilakukan dalam konteks berbeza iaitu di negara lain. Sebab itu, kajian dalam konteks tempatan wajar dilakukan untuk menilai penggunaan pelantar *Google Classroom*.

Data yang terhad berkenaan keberkesanan *Google Classroom* yang baru diperkenalkan sejak baru-baru ini menjadi penghalang untuk membuat keputusan penting berkenaannya. Sebagai pelaksana utama, KPM memerlukan dapatan kajian





yang mempunyai tahap kebolehppercayaan tinggi untuk membuat keputusan runcing sama ada pengkelan atau penambahbaikan diperlukan terhadap sistem pendidikan sedia ada. Perkara ini penting kerana sekiranya wujud kelemahan dalam sistem pendidikan sedia ada, ia akan menjejaskan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) yang berhasrat melahirkan generasi holistik dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Oleh itu, kajian terperinci harus dijalankan untuk melihat keberkesanan *Google Classroom* secara telus. Tanpa pelaksanaan yang komprehensif, objektif pengenalan *Google Classroom* tidak tentu boleh dikecapi.

Selain itu, kajian-kajian lepas yang dijalankan adalah secara terpisah-pisah yang hanya mementingkan aspek khusus yang dikaji berkenaan *Google Classroom* dan ia menyebabkan pihak terlibat sukar membuat keputusan. Sebagai rujukan, kajian Nayab (2018), dijalankan khusus bagi pelajar pengajian tinggi. Kajian oleh Margaret (2019), adalah mengenai pengajaran subjek matematik bagi murid yang bermasalah pembelajaran. Kajian oleh DiCicco (2016), dijalankan ke atas murid yang bermasalah pembelajaran bagi pembelajaran kajian sosial. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan *Google Classroom* di sekolah-sekolah rendah di daerah Kuala Kangsar secara lebih terperinci.

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat yang berguna bagi pihak KPM, guru-guru, dan ibu bapa dalam memahami kekuatan dan kelemahan pelaksanaan *Google Classroom* di sekolah rendah, serta memberikan cadangan untuk memperbaiki penggunaan platform ini bagi memastikan ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk kebaikan pelajar. Secara keseluruhan, kajian ini berusaha untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan komprehensif mengenai pelaksanaan *Google Classroom* di sekolah rendah di daerah Kuala Kangsar, serta menyarankan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi cabaran-cabaran





yang dihadapi. Melalui penilaian ini, diharapkan dapat membantu meningkatkan kecekapan penggunaan teknologi dalam pendidikan, khususnya di peringkat sekolah rendah, serta memperkasa pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan di era digital.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan berpandukan Model Penilaian KIPP dari aspek konteks, input, proses dan produk iaitu :

Dimensi Konteks (K)

1. Menilai persepsi guru terhadap kesesuaian pelaksanaan *Google Classroom*

dari aspek:-

- a. Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- b. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)

Dimensi Input (I)

2. Mengenal pasti persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom*

dalam aspek:-

- a. Kos pelaksanaan
- b. Kompetensi guru
- c. Kemudahan peranti
- d. Capaian internet





Dimensi Proses (P)

3. Mengenal pasti persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom* dalam aspek:-
 - a. Kesediaan guru
 - b. Proses PdP
 - c. Cabaran guru
 - d. Pengalaman guru

Dimensi Produk (P)

4. Mengenal pasti persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom* dalam aspek:-
 - a. Kefahaman murid terhadap topik
 - b. Motivasi belajar murid
 - c. Pentaksiran bilik darjah
 - d. Kualiti PdP
5. Mengenal pasti saling perhubungan antara:
 - a. Dimensi Konteks dengan dimensi Input dalam pelaksanaan *Google Classroom*.
 - b. Dimensi Konteks dengan dimensi Proses dalam pelaksanaan *Google Classroom*.
 - c. Dimensi Konteks dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan *Google Classroom*.
 - d. Dimensi Input dengan dimensi Proses dalam pelaksanaan *Google Classroom*.
 - e. Dimensi Input dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan *Google Classroom*.





f. Dimensi Proses dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan *Google Classroom*

6. Mengenal pasti peramal terbaik antara dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses untuk dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan *Google Classroom*.

1.5 Persoalan Kajian

Secara khususnya kajian ini menjawab kepada persoalan kajian seperti berikut :

1. Dimensi Konteks (K);

- a. Apakah persepsi guru terhadap hasrat FPK dan PPPM dalam melaksanakan *Google Classroom*?

2. Dimensi Input (I);

- a. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom* dalam aspek kos pelaksanaan?
- b. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom* dalam aspek kompetensi murid?
- c. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom* dalam aspek kemudahan peranti?
- d. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom* dalam aspek capaian internet?





3. Dimensi Proses (P)

- a. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom* dalam aspek kesediaan guru?
- b. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom* dalam aspek proses PdP?
- c. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom* dalam aspek cabaran guru?
- d. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom* dalam aspek pengalaman guru?

4. Dimensi Produk (P)

- a. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom* dalam aspek kefahaman murid terhadap topik?
- b. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom* dalam aspek motivasi belajar murid?
- c. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom* dalam aspek pentaksiran bilik darjah?
- d. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan *Google Classroom* dalam aspek peningkatan kualiti hasil pembelajaran?

5. Adakah terdapatnya hubungan antara:-

- a. Dimensi Konteks dengan dimensi Input dalam pelaksanaan *Google Classroom*?
- b. Dimensi Konteks dengan dimensi Proses dalam pelaksanaan *Google Classroom*?
- c. Dimensi Konteks dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan *Google Classroom*?





- d. Dimensi Input dengan dimensi Proses dalam pelaksanaan *Google Classroom*?
- e. Dimensi Input dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan *Google Classroom*?
- f. Dimensi Proses dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan *Google Classroom*?

6. Apakah peramal terbaik untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan *Google Classroom*?

1.6 Hipotesis Kajian



Hipotesis kajian berdasarkan persoalan kajian 5 dan 6.

- i. H_{a1} : Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi konteks dengan dimensi input dalam pelaksanaan *Google Classroom*.
- ii. H_{a2} : Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi konteks dengan dimensi proses dalam pelaksanaan *Google Classroom*.
- iii. H_{a3} : Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi konteks dengan dimensi produk dalam pelaksanaan *Google Classroom*.
- iv. H_{a4} : Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi input dengan dimensi proses dalam pelaksanaan *Google Classroom*.
- v. H_{a5} : Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi input dengan dimensi produk dalam pelaksanaan *Google Classroom*.





- vi. H_{a6} : Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi proses dengan dimensi produk dalam pelaksanaan *Google Classroom*.
- vii. H_{a7} : Terdapat peramal terbaik untuk dimensi produk dalam pelaksanaan *Google Classroom*.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep merupakan gambaran keseluruhan bahagian penting di dalam kajian ini. Ianya dibangunkan sebagai garis panduan sepanjang menjalankan penyelidikan agar tidak tersasar daripada landasan (Ghazali dan Sufean, 2018). Menurut Ravitch dan Riggan (2017), kerangka konseptual merupakan suatu hujah mengenai kenapa topik itu penting dan mengapa reka bentuk dan metodologi yang dicadangkan sesuai. Kerangka konseptual merupakan bahagian penting yang dirancang sebelum melaksanakan kajian supaya menjadi panduan kepada pengkaji di samping menggambarkan justifikasi sesuatu reka bentuk yang dipilih berdasarkan tujuan kajian.

Kajian ini bertujuan untuk memberi maklumat penilaian sebagai bahagian penting dalam membuat keputusan yang baik. Oleh demikian, pendekatan yang harus dipilih untuk menilai pelantar *Google Classroom* ialah pendekatan berasaskan pengurusan. Salah satu model terkenal dalam pendekatan berasaskan pengurusan ialah model KIPP. Model *Konteks, Input, Process, Product* (KIPP) merupakan model yang klasik dan diuji secara menyeluruh dan dicipta oleh Daniel Stufflebeam pada tahun 1967 (Stufflebeam, 2014). Keputusan pentadbir mestilah dibuat berasaskan maklumat yang dikumpul mengenai kelebihan relatif, kelemahan setiap alternatif keputusan untuk membenarkan penghakiman adil berdasarkan kriteria yang





ditetapkan. Kejayaan penilaian terhadap kualiti kerja berpasukan dan antara pembuat keputusan penilaian.

Kerangka model ini dibangunkan untuk memberi maklumat kepada pengurus dan pentadbir berkenaan empat jenis keputusan yang harus diambil. Aspek pertama iaitu penilaian konteks menilai keperluan, masalah, dan peluang untuk membantu mengenal pasti matlamat dan hasil sesuatu program. Aspek kedua iaitu penilaian input tertumpu kepada pelan, pendekatan dan kaedah dan sumber yang membantu mengecapi matlamat program (Ornstein dan Hunkins, 2009). Penilaian proses merujuk kepada cara sesuatu program dilaksanakan. Penilaian produk pula tertumpu kepada program setelah ia tamat dilaksanakan. Ia menilai hasil yang berjaya dicapai setelah sesuatu program selesai dijalankan. Anak panah yang dilukis pada kerangka konseptual menunjukkan salinhubungan yang akan dinilai di antara setiap dimensi.



1.7.1 Penilaian Konteks

Menurut Stufflebeam dan Zhang (2017), penilaian konteks menilai keperluan, masalah, aset dan peluang serta keadaan kontekstual yang relevan dan dinamik. Menurut model KIPP, mereka yang menjalankan program harus memperoleh dan menggunakan penilaian konteks untuk menentukan tujuan dan kepentingan program, dan untuk memastikan tujuan tersebut disasarkan untuk mengatasi keperluan dan masalah yang dinilai. Pada akhir penilaian, penilai memberikan maklumat penilaian konteks terkini kepada klien untuk membantu mereka menilai tujuan dan keutamaan yang telah ditetapkan sebelumnya dan terutama untuk menafsirkan kepentingan hasil program dengan mempertimbangkan kedua-dua penerima manfaat yang disasarkan menilai keperluan dan keadaan dalam persekitaran program.





Penilaian konteks boleh berlaku bila-bila masa semasa penyampaian projek, program atau intervensi (Frey, 2018). Dalam kajian ini, oleh disebabkan tiada matlamat atau objektif yang khusus, bahagian penilaian ini akan menilai konteks penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah. Penilaian kajian ini akan menjawab kepada persoalan sekiranya *Google Classroom* wajar dilaksanakan di sekolah rendah dan apakah konteks program dan bagaimanakah ia sepadan dengan populasi sasaran. Selain itu, keperluan sumber pihak yang terlibat dengan *Google Classroom* dikaji sekiranya bersesuaian dari segi konteks sekolah rendah.

1.7.2 Penilaian Input

Penilaian input menilai strategi, rancangan tindakan, pengaturan staf, dan anggaran yang dirancang untuk menilai kemungkinan dan keberkesanan kos potensi untuk memenuhi keperluan sasaran dan mencapai tujuan (Stufflebeam dan Zhang, 2017). Menurut Frey (2018), objektif utama penilaian input adalah untuk membangunkan program atau intervensi yang memenuhi keperluan yang ditentukan semasa penilaian konteks. Kajian ini melihat kepada panduan profesional yang diberikan oleh pembekal, selain kos pelaksanaan yang terlibat, kompetensi guru dan liputan tujuan *Google Classroom*. Ia juga akan menilai keperluan fizikal yang diperlukan dalam pelaksanaan *Google Classroom*.

1.7.3 Penilaian Proses

Stufflebeam dan Zhang (2017) berpendapat bahawa penilaian proses memantau, mendokumentasikan, menilai dan memberi laporan ke atas pelaksanaan rancangan.





Penilaian proses membandingkan objektif yang diandaikan dengan input, aktiviti dan output sebenar untuk menentukan sama ada dan mengapa objektif tersebut telah atau belum tercapai (Frey, 2018). Penilaian proses akan menilai sekiranya reka bentuk perkhidmatan dilaksanakan dengan cekap dan diubah suai seperti yang diperlukan. Di samping itu, kepercayaan guru, kesediaan guru, proses PdP, cabaran yang dihadapi dan perasaan guru semasa menjalankan program *Google Classroom* turut dikaji secara menyeluruh.

1.7.4 Penilaian Produk


Menurut Stufflebeam dan Zhang (2017), penilaian produk mengenalpasti dan menilai kos dan hasil yang dirancang dan tidak dirancang serta jangka panjang dan pendek.

Penilaian ini memberi maklumbalas sewaktu program dilaksanakan berkenaan sejauh mana tujuan dicapai. Tujuan utama penilaian produk adalah untuk mengumpul dan mentafsirkan maklumat dan menilai nilai atau kelebihan program yang berkaitan dengan maklumat yang dikumpulkan (Frey, 2018). Penilaian produk akan dilakukan untuk menilai sekiranya usaha yang dijalankan ini berjaya. Kualiti PdP, kefahaman dan motivasi murid akan dinilai dari dimensi penilaian produk. Ini adalah bagi mengenalpasti sekiranya konteks, input dan proses menyumbang ke arah produk yang diingini oleh pihak berkepentingan.



Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian bagi menilai pelaksanaan Google Classroom menggunakan Model Penilaian KIPP



1.8 Kepentingan Kajian

Proses pendigitalan pembelajaran dapat menyumbang kepada perkembangan murid dan seterusnya kemajuan negara di era teknologi ini. KPM memperkenalkan *Google Classroom* dalam bidang pendidikan negara Malaysia sebagai satu langkah menjana ilmu yang tidak bersempadan kepada murid. Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian dalam bentuk data yang diperolehi daripada pihak terlibat iaitu guru sekolah rendah.



Dapatan kajian ini bertujuan menjadi sumber maklumat kepada pengurus mengenai program yang baru diperkenalkan dalam kalangan murid sekolah rendah. Ia akan membantu pengurus atau pentadbir untuk membuat keputusan penting dalam membuat pertimbangan mengenai keberkesanan pelantar *Google Classroom* menurut persepsi guru.

Oleh kerana Model KIPP digunakan sebagai asas kepada kajian ini, pihak berkepentingan dapat mengenali kecacatan atau kekurangan program *Google Classroom* yang menghalangnya daripada mencapai matlamat awal penggunaannya di Malaysia. Keputusan sama ada penambahbaikan diperlukan ataupun sekiranya program ini perlu digantikan dapat dicapai berdasarkan dapatan kajian ini. Keputusan yang terbaik perlu diambil bagi mengelakkan daripada matlamat asal penggunaan *Google Classroom* di Malaysia tidak terpencong. Sekiranya tindakan segera tidak diambil, ia juga berupaya memberi kesan negatif terhadap pembelajaran murid sekolah rendah.

Selain itu, dapatan kajian ini dapat menjadi ilmu kepada guru yang melaksanakan *Google Classroom* dalam mengenali selok belok *Google Classroom* yang patut diketahui. Kajian ini turut diharap dapat menjadi garis panduan dan bahan rujukan kepada pengkaji lain yang ingin meneroka dengan lebih mendalam mengenai pelantar *Google Classroom*. Kesimpulannya, kajian ini diharap dapat menjadi sumber ilmu kepada pihak berkepentingan yang langsung dan tidak langsung serta para pengkaji yang mempunyai kecenderungan membaca kajian ini.





1.9 Batasan Kajian

Walaupun skop *Google Classroom* adalah lebih luas, kajian ini terbatas dengan menjadikan guru sahaja sebagai responden kajian. Selain itu, kajian ini hanya dilaksanakan terhad kepada konteks sekolah rendah sementara ada institusi pengajian lain yang turut menggunakan *Google Classroom*. Kajian ini juga hanya disasarkan kepada pengalaman penggunaan *Google Classroom* di daerah Kuala Kangsar sahaja. Oleh demikian, dapatan kajian hanya akan menggambarkan daerah Kuala Kangsar dan tidak sesuai digeneralisasikan kepada seluruh negara.

Terdapat juga aspek lain yang boleh dikaji melalui sikap dan respon daripada murid. Responden di dalam kajian ini adalah guru yang mengajar di sekolah rendah dalam daerah Kuala Kangsar. Hanya sedikit sekolah yang dipilih dari Kuala Kangsar untuk dikaji. Sekitar 100 orang guru dipilih sebagai bahan kajian untuk dapatkan pandangan mengenai *Google Classroom*. Maklumat yang diperolehi daripada kajian ini hanyalah sebagai panduan kepada KPM berserta eviden yang dibolehpercayai.

Pengkaji harus memberikan taklimat semasa pentadbiran soal selidik untuk mengingatkan responden untuk menjawab dengan jujur bagi memastikan bahawa maklumbalas responden benar-benar menggambarkan diri mereka.

1.10 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah digunakan di dalam kajian ini dan diberikan definisi agar kefahaman mengenai istilah yang dilihat dengan jelas sesuai dengan konteks kajian ini.





1.10.1 Penilaian

Menurut Houser (2020), penilaian adalah proses yang melibatkan pembuatan rumusan yang mungkin melibatkan pertimbangan mengenai nilai sesuatu program. Penilaian adalah satu proses menentukan sejauh manakah objektif sesuatu program dapat dicapai (Tyler, 2013). Mengikut Suchman (1967), penilaian adalah suatu usaha untuk mengenal pasti sama ada sesuatu program yang dijalankan berjaya mencapai matlamat dan objektifnya. Dalam konteks kajian ini, penilaian merujuk kepada proses membuat rumusan berdasarkan data yang diperoleh melalui soal selidik merangkumi domain konteks, input, proses dan produk daripada responden kajian iaitu para guru mengenai pelaksanaan *Google Classroom*.



1.10.2 Pelaksanaan



Menurut Santoso Sastropetro (1982), pelaksanaan didefinisikan sebagai suatu usaha atau perlakuan tertentu yang dilakukan untuk menjadikan pelan program yang dirancang nyata. Pelaksanaan adalah tindakan atau pelaksanaan rancangan yang telah disiapkan dengan teliti dan terperinci (Gilang, 2020). Dalam konteks ini, *Google Classroom* merupakan program yang dirancang secara teliti dan kajian ini ingin menilai proses menyatakan perancangan yang dibuat. Golongan yang melaksanakan *Google Classroom* pula adalah para guru.





1.10.3 Google Classroom

Menurut Al-Marroof dan Al-Emran (2018), *Google Classroom* merupakan sejenis program VLE yang diperkenalkan pada tahun 2014 sebagai pelantar pembelajaran jarak jauh, pembelajaran atas talian atau pembelajaran bercampur. *Google Classroom* adalah perkhidmatan berasaskan internet yang disediakan oleh Google sebagai sistem e-pembelajaran (Martínez-Monés et al., 2017). Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan alat pembelajaran ini dalam sistem pendidikan Malaysia pada tahun 2019. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menilai pelaksanaan *Google Classroom* di sekolah rendah sebagai sumber informasi.

1.10.4 Model KIPP



Model *Konteks, Input, Process, Product* (KIPP) merupakan model yang klasik dan diuji secara menyeluruh dan dicipta oleh Daniel Stufflebeam pada tahun 1967 (Stufflebeam, 2014). Terdapat 4 dimensi penilaian yang akan dilaksanakan berdasarkan model KIPP ini. Antaranya adalah konteks, input, proses dan produk. Penilaian dari aspek konteks, input, proses dan produk akan memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan holistik terhadap sesuatu. Ini membantu pembuat dasar mengenal pasti penambahbaikan yang perlu dilakukan dalam aspek tertentu (Lucidea, 2021).





1.10.4.1 Dimensi Konteks

Menurut Stufflebeam dan Zhang (2017), penilaian konteks menilai keperluan, masalah, aset dan peluang serta keadaan kontekstual yang relevan dan dinamik. Dalam kajian ini, bahagian penilaian ini akan menilai konteks penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah. Penilaian kajian ini akan menjawab kepada persoalan sekiranya *Google Classroom* wajar dilaksanakan di sekolah rendah dan apakah konteks program dan bagaimanakah ia sepadan dengan populasi sasaran. Selain itu, keperluan sumber pihak yang terlibat dengan *Google Classroom* dikaji sekiranya bersesuaian dari segi konteks sekolah rendah.

1.10.4.2 Dimensi Input



Menurut Frey (2018), objektif utama penilaian input adalah untuk membangunkan program atau intervensi yang memenuhi keperluan yang ditentukan semasa penilaian konteks. Kajian ini melihat kepada panduan profesional yang diberikan oleh pembekal, selain kos pelaksanaan yang terlibat, kompetensi guru dan liputan tujuan *Google Classroom*. Ia juga akan menilai keperluan fizikal yang diperlukan dalam pelaksanaan *Google Classroom*.

1.10.4.3 Dimensi Proses

Stufflebeam dan Zhang (2017) berpendapat bahawa penilaian proses memantau, mendokumentasikan, menilai dan memberi laporan ke atas pelaksanaan rancangan. Penilaian proses akan menilai sekiranya reka bentuk perkhidmatan dilaksanakan





dengan cekap dan diubah suai seperti yang diperlukan. Di samping itu, kepercayaan guru, kesediaan guru, proses PdP, cabaran yang dihadapi dan perasaan guru semasa menjalankan program *Google Classroom* turut dikaji secara menyeluruh.

1.10.4.4 Dimensi Produk

Tujuan utama penilaian produk adalah untuk mengumpulkan dan mentafsirkan maklumat dan menilai nilai atau kelebihan program yang berkaitan dengan maklumat yang dikumpulkan (Frey, 2018). Penilaian produk dilakukan untuk menilai sekiranya usaha yang dijalankan ini berjaya. Dalam konteks ini, kualiti PdP, kedahaman dan motivasi murid dinilai dari dimensi penilaian produk. Ini adalah bagi mengenalpasti sekiranya konteks, input dan proses menyumbang ke arah produk yang diingini oleh pihak berkepentingan dalam pelaksanaan *Google Classroom*.

1.11 Rumusan

Dalam bab 1, pengkaji telah memperkenalkan tajuk kajian iaitu penilaian program *Google Classroom*, pernyataan masalah, persoalan kajian, kepentingan dan juga batasan kajian. Bab 1 turut membincangkan kerangka konseptual yang diadaptasi dari Model Penilaian KIPP. Ia menjelaskan dengan terperinci mengenai rangka kerja yang ingin pengkaji gunakan untuk tujuan menilai pelaksanaan *Google Classroom*. Maklumat daripada kajian ini dapat digeneralisasikan kepada penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah dalam daerah Kuala Kangsar dan dapat membantu pihak berkepentingan membuat keputusan mustahak.

